

Buku

- Bicaralah Atas Nama Kasih: Kitalah guru itu

RESEPI

- Selera kampung D'Limau Nipis

CAKAP CAKAP PILIHANRAYA

- PRU13: Makna bayangan kelima Najib

NOVEL

- Amir Minah Macho: Bab 9

FAMILI

- Awas tiroid antara sebab keguguran

PERSONALITI

- Fasih berbahasa Melayu, kelebihan Pang Chin Fei

BUSANA

- Hijab, Rahsia Muslimah Menawan

STAILO

- Buah tangan pertama Naza Bikes & TBR

TANYA DR. NIZAR

- Alternatif lutut sendi besi

Perak

1,000 terima bantuan MyKasih

ISMANIZA AHMAD
16 Januari 2013



Seai Kie (dua, kiri) membantu R Subramaniam, 68, mengambil bungkus minuman coklat pada program MyKasih, semalam.

GOPENG – Yayasan MyKasih menyediakan bantuan sebanyak RM960,000 setahun dalam bentuk barangan keperluan kepada 1,000 penduduk berpendapatan rendah di kawasan ini dalam usaha membasmi kemiskinan di negeri ini.

Ketua Wanita MCANegeri, Datuk Heng Seai Kie berkata, bagi memudahkan kumpulan sasar ini membeli barangan keperluan, mereka hanya perlu membawa Mykad dan memilih barang yang berada dalam senarai MyKasih bagi kelancaran pembelian.

Menurutnya, setiap bulan Yayasan MyKasih akan memasukkan RM80 ke dalam MyKad dan selepas 1 atau 16 hari bulan setiap bulan, penerima boleh membeli barangan keperluan di pasar raya Mydin yang menyediakan kemudahan berkenaan.

"Mereka yang menerima bantuan ini adalah mereka yang berpendapatan rendah tetapi tidak memenuhi kriteria untuk permohonan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Jadi bantuan ini memperluaskan skop penerima bagi memanfaatkan lebih ramai golongan miskin,"katanya selepas melancarkan program MyKasih di sini, semalam.

Beliau berkata, sehingga kini sebanyak 100 barangan keperluan harian telah disenaraikan bagaimanapun ia akan ditambah dari semasa ke semasa selepas menerima maklum balas agar penerima mempunyai banyak pilihan untuk membeli.

Katanya, apa yang menarik, kakitangan MyKasih juga akan ke rumah penerima untuk memberikan kemahiran dan latihan mengenai pembelian barangan mengikut keutamaan agar mereka dapat menjadi pengguna yang bijak.

"Selepas setahun, semakan akan dilakukan untuk memastikan status penerima bantuan. Sekiranya status ekonomi mereka telah meningkat dan keluar dari kepompong kemiskinan maka bantuan itu akan ditarik balik seterusnya diberikan kepada orang lain yang lebih layak untuk menerimanya

"Dalam tempoh dua bulan ini, kakitangan MyKasih akan berada di pasar raya ini (Mydin) untuk membantu penerima bantuan yang menghadapi masalah pada masa sama, mereka dapat menyesuaikan diri dengan kemudahan membeli barangan,"katanya.